

UMM/AA60/UMM/12.07.1988/N.P

UNIUTAMA johan menembak tiga tahun berturut2

PALAPES

Oleh
Mohd. Zaini Nasri

UNIVERSITI Utara Malaysia (UNIUTAMA) merangkul lapan daripada sembilan piala pusingan dan muncul sebagai johan keseluruhan tiga tahun berturut-turut di ujian kemahiran menembak antara PALAPES kali ke-3 yang berlangsung di lapang sasar Bukit Pinang, Kedah Darulaman pada 8 dan 9 Jun lalu.

Kemenangan - kemenangan yang telah dicapai UNIUTAMA itu ialah dalam acara M-16 pegawai kadet lelaki peringkat kedua, M-16 pegawai kadet wanita, M-16 pegawai kadet lelaki berkumpulan, 'machine-gun' Ringan (MGR) lelaki berpasangan, MGR pegawai kadet lelaki, jatuh piring M-16 pegawai kadet lelaki, pistol antara PALAPES dan satu lagi piala pusingan kerana menjadi juara keseluruhan.

Kemenangan yang dicapai oleh PK Ng Khoon Sie dari UNIUTAMA dalam acara M-16 pegawai kadet lelaki peringkat kedua dengan 227 markah juga melayakkan pegawai kadet ~~kabangsaan~~ UNIUTAMA itu merebut 'kerusi juara', kerusi julang lambang kemenangan si juara.

Satu piala pusingan lagi dimenangi oleh Universiti Sains Malaysia (USM) melalui acara pistol perseorangan antara PALAPES.

USM juga telah menang (tanpa piala pusingan) dalam acara pistol perseorangan terbuka antara PALAPES M-16 jatuh piring jurulatih antara PALAPES dan M-16 perseorangan pegawai sukarela/ bakal pegawai.

Institut Teknologi MARA (ITM) pula menjadi juara dalam acara M-16 pegawai kadet lelaki peringkat pertama, manakala Universiti Pertanian Malaysia (UPM) menjuarai acara M-16 perseorangan pegawai kadet wanita antara PALAPES, kedua-duanya juga tanpa piala pusingan.

Selain daripada lapan piala pusingan yang direbut oleh PALAPES UNIUTAMA, pasukan dari universiti termuda itu juga turut menang tempat kedua dan ketiga dalam enam acara yang dipertandingkan.

Empat hadiah tempat kedua dipungut oleh UNIUTAMA melalui acara pistol perseorangan terbuka, MGR lelaki berpasangan, M-16 pegawai kadet lelaki peringkat pertama dan M-16 pegawai kadet wanita.

Dua hadiah tempat ketiga pula diperolehi melalui acara pistol perseorangan antara PALAPES dan M-16 pegawai kadet lelaki peringkat kedua.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Panglima 11 Division, Rejimen Askar Watanlah, Mejar Jeneral Datuk Mohd. Isa Che Kak, yang juga menutup kejohanan dua hari itu yang dituanrumahkan oleh UNIUTAMA.

Turut hadir dan menyampaikan hadiah - hadiah di majlis penutup itu ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik) UNIUTAMA, Prof. Dr. Syed Othman Alhabshi.